

## PENDEKATAN PEMBELAJARAN AL-QURAN DALAM KALANGAN WARGA EMAS DI PONDOK UNAIS

### [THE APPROACH TO QURANIC LEARNING AMONG THE ELDERLY AT PONDOK UNAIS]

NOR AZURA DERIS<sup>1\*</sup> & MOHD ISA HAMZAH<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Corespondent Email: p121874@siswa.ukm.edu.my

---

Received: 05 September 2024

Accepted: 28 November 2024

Published: 31 December 2024

---

**Abstrak:** Al-Quran merupakan panduan bagi seluruh umat manusia. Mempelajari al-Quran adalah kewajipan setiap umat Islam tanpa mengira usia. Usia emas yang berbaki seharusnya diisi dengan mendampingi al-Quran bagi menguatkan kerohanian dan mendekatkan diri kepada Ilahi. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meneroka pendekatan pembelajaran al-Quran dalam kalangan warga emas. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan temu bual separa berstruktur yang melibatkan empat orang warga emas yang tinggal dan terlibat dengan pembelajaran al-Quran sepenuh masa di Pondok Unaish. Kajian ini mendapati bahawa terdapat empat pendekatan utama telah digunakan dalam pembelajaran al-Quran warga emas di Pondok Unaish. Pendekatan pembelajaran warga emas yang dilaksanakan adalah pembelajaran yang fleksibel, pembelajaran aktif, pengalaman sebagai sumber pembelajaran dan pembentukan akhlak dan karakter. Melalui pendekatan yang sesuai pembelajaran al-Quran khusus untuk warga emas menjadi lebih berkesan dan mudah difahami oleh golongan tersebut. Kajian ini diharap dapat memberikan panduan yang lebih relevan dalam merancang dan melaksanakan program pembelajaran al-Quran untuk warga emas, seterusnya memperkuat penghayatan ajaran agama dalam masyarakat.

**Kata Kunci:** pembelajaran, warga emas, pembelajaran al-Quran, pendekatan.

**Abstract:** The Quran serves as a guide for all of humanity. Learning the Quran is an obligation for every Muslim, regardless of age. The remaining years of old age should be filled with engagement with the Quran to strengthen spirituality and draw closer to God. Therefore, this study aims to explore the approaches to Quranic learning among the elderly. This qualitative study uses semi-structured interviews involving four elderly individuals who reside and are fully engaged in Quranic learning at Pondok Unaish. The study found that four main approaches were used in Quranic learning for the elderly at Pondok Unaish. The approaches to elderly learning implemented are flexible learning, active learning, experience as a learning source, and the formation of morals and character. Through appropriate approaches, Quranic learning specifically for the elderly becomes more effective and easier to understand for this group. It is hoped that this study will provide more relevant guidance in planning and implementing Quranic learning programs for the elderly, thus strengthening the appreciation of religious teachings in the community.

**Keywords:** learning, elderly, Quranic learning, approach.

**Cite This Article:**

Nor Azura Deris & Mohd Isa Hamzah. (2024). Pendekatan Pembelajaran Al-Quran Dalam Kalangan Warga Emas Di Pondok Unais [The Approach To Quranic Learning Among The Elderly At Pondok Unais]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 4(4), 88-99.

## PENDAHULUAN

Pembelajaran al-Quran merujuk kepada proses membaca, memahami, dan mengamalkan ajaran-ajaran yang terkandung dalam kitab suci al-Quran. Aktiviti ini merupakan aspek penting dalam kehidupan umat Islam kerana al-Quran adalah panduan utama dalam kehidupan. Pembelajaran al-Quran bukan sahaja melibatkan membaca ayat-ayatnya, tetapi juga memahami makna dan tafsirannya untuk diamalkan dalam kehidupan seharian (Shah Rizul Izyan et al., 2022). Warga emas adalah merujuk kepada individu yang telah mencapai usia lanjut, biasanya berumur 60 tahun ke atas ((Mohd Anuar 2022; Siti Aisyah & Adriana, 2023). Istilah ini digunakan untuk menggambarkan golongan tua yang sudah bersara daripada pekerjaan formal dan kini menjalani kehidupan selepas umur persaraan. Warga emas merupakan kumpulan yang penting dalam masyarakat kerana mereka menyumbang pengalaman, kebijaksanaan, dan perspektif yang berharga. al-Quran bukan sahaja sebagai sumber panduan hidup tetapi juga memberi ketenangan jiwa dan kekuatan rohani kepada setiap individu, tanpa mengira usia. Menurut Siti Nabihah et al., (2023), bagi warga emas, pembelajaran al-Quran bukan sahaja memperkaya kehidupan rohani mereka tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan mental dan fizikal.

Pada masa kini banyak terdapat institusi pondok dan juga madrasah untuk warga emas dibuka yang menawarkan pembelajaran al-Quran dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari warga emas untuk mempelajari al-Quran (Siti Nabihah et al., 2023). Pertambahan bilangan pusat pengajian untuk warga emas ini tidak dapat dinafikan akan mewujudkan pelbagai pendekatan yang digunakan dalam pembelajaran al-Quran. Ini kerana pembelajaran al-Quran bagi warga emas memerlukan pendekatan yang berbeza berbanding golongan muda (Sharifah Norshah, 2011). Pendekatan ini penting untuk memastikan proses pembelajaran menjadi lebih efektif, menyenangkan, dan sesuai dengan kemampuan serta keadaan fizikal dan mental mereka. Melalui pendekatan yang tepat, warga emas boleh menikmati proses pembelajaran al-Quran, meraih manfaat rohani, mental, dan sosial, serta memperkaya kehidupan mereka. Pendekatan yang inklusif dan menyokong dapat memastikan pembelajaran al-Quran menjadi pengalaman yang positif dan bermanfaat bagi warga emas.

Pembelajaran bagi warga emas memerlukan pendekatan yang lebih berhati-hati dan disesuaikan dengan keadaan fizikal dan mental mereka. Memahami cabaran yang bakal dihadapi oleh golongan ini terdapat keperluan untuk kajian yang lebih mendalam dan menyeluruh mengenai pendekatan pembelajaran al-Quran dalam kalangan warga emas untuk mengembangkan program pembelajaran yang lebih efektif dan inklusif serta dapat memenuhi keperluan fizikal, mental, dan kognitif mereka. Hasil daripada kajian ini dapat menyumbang kepada teori dan amalan pembelajaran al-Quran dalam kalangan warga emas yang lebih berkesan . Melalui pemahaman yang jelas tentang pendekatan pembelajaran al-Quran diharap dapat membentuk strategi pengajaran yang lebih sesuai dan berkesan untuk warga emas. Ini membuka ruang untuk pengembangan pendekatan yang lebih dinamik dan menarik bagi

pembelajaran al-Quran warga emas. Di samping itu kajian ini membuka ruang kepada penyediaan pendidikan yang lebih relevan dengan konteks kehidupan warga emas pada masa kini. Seterusnya, kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada literatur akademik dan pemahaman tentang pembelajaran al-Quran dan pendidikan untuk warga emas.

## OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

- i- Meneroka pendekatan yang digunakan dalam pembelajaran al-Quran warga emas di Pondok Unais.

Artikel ini seterusnya disusun dengan literatur kajian yang berkaitan dengan pendekatan dan teori pembelajaran warga emas diikuti dengan metodologi kajian, dapatkan kajian dan diakhiri dengan perbincangan serta implikasi untuk penyelidikan selanjutnya.

## KAJIAN LITERATUR

Berdasarkan tinjauan terhadap kajian yang lepas, terdapat banyak kajian yang dijalankan berkaitan warga emas dari pelbagai aspek. Namun dalam kajian ini pengkaji membincangkan kajian-kajian berkaitan pembelajaran al-Quran warga emas.

### Pendekatan Pembelajaran Al-Quran Untuk Warga Emas

Pada usia lanjut, warga emas akan mengalami pelbagai kemerosotan dan kelemahan, sama ada dari segi fizikal, deria, atau kognitif (Siti Nabihah et al., 2023). Pembelajaran al-Quran juga merupakan satu ilmu yang harus dipelajari sehingga akhir hayat. al-Quran bukan sahaja panduan untuk umat Islam tetapi juga sebagai ‘syifa’ buat seluruh manusia, terutama warga emas yang melalui fasa usia kehidupan. Sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَنَزَّلْنَا مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَرِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا حَسَارًا

Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran Aya-ayat Suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian juga.

(al-Qur'an, al-Isra' 17:82)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa al-Quran diturunkan sebagai penawar (syifa') dan rahmat khususnya bagi orang-orang yang beriman. Al-Quran menjadi sumber kesembuhan rohani dan memberikan rahmat yang tidak ternilai, namun bagi orang-orang yang zalim, al-Quran hanya menambah kepada mereka kerugian dan tidak memberi manfaat. Ini menunjukkan betapa pentingnya warga emas untuk terus mendekati al-Quran di usia senja mereka kerana

dalam menghadapi fasa kehidupan yang penuh dengan cabaran kesihatan dan emosi, al-Quran boleh menjadi sumber kekuatan rohani dan ketenangan jiwa. Kajian mendapati warga emas yang sentiasa mendampingi al-Quran pada usia emas akan mendapat kekuatan rohani, sekaligus dapat melalui fasa akhir kehidupan dengan tenang (Shah Rizul, 2020). Dalam menghabiskan sisa usia yang ada warga emas adalah golongan yang amat memerlukan kepada pembelajaran ilmu al-Quran selain daripada ilmu untuk keperluan rohani yang lain seperti ibadah dan feqah. Pada masa kini banyak kelas pengajian untuk warga emas dilaksanakan di masjid, di Pondok dan institusi pengajian lain. Namun bilangan pelajar yang hadir didapati semakin merosot. Situasi ini berlaku kerana strategi dan pendekatan yang digunakan tidak sesuai dengan tahap keupayan mereka (Shah Rizul Izyan et al., 2022). Proses pembelajaran ini memerlukan pendekatan dan strategi khusus yang disesuaikan dengan kemampuan dan keadaan fizikal serta mental mereka. Setiap warga emas yang menghadiri kelas pengajian tentu mempunyai latar belakang kehidupan, ekonomi, dan pendidikan yang berbeza-beza. Oleh itu, pengajaran yang disampaikan harus disesuaikan dengan tahap keupayaan setiap pelajar (Shah Rizul Izyan et al., 2022).

Menurut Shah Rizul Izyan et al., (2022) guru yang mengajar warga emas mestilah mempunyai ilmu berkaitan pendekatan pengajaran dan mengetahui asas berkaitan ilmu gerentologi bagi memahami warga emas. Ini kerana kesan daripada pendekatan pengajaran yang salah boleh mengakibatkan warga emas merajuk dan tidak mahu lagi meneruskan pembelajaran al-Quran. Komunikasi dua hala sangat penting dalam pelaksanaan pengajaran bagi golongan warga emas. Oleh kerana faktor usia, pembelajaran bagi golongan ini perlu disampaikan secara perlahan-lahan dan dalam suasana yang tenang (Mariam et al., 2018). Ini kerana warga emas mudah mengalami gangguan emosi jika pengajaran tidak disampaikan dengan pendekatan yang sesuai. Menurut Mariam et al., (2017), kaedah pengulangan merupakan salah satu pendekatan yang digunakan dalam pengajaran warga emas. Pengulangan bertujuan agar pembelajaran dapat difahami dengan lebih baik. Penggunaan kaedah pengulangan dalam pengajaran warga emas di pondok pengajian sangat diperlukan kerana masalah yang timbul adalah warga emas yang berhenti dan digantikan dengan kehadiran warga emas yang baru.

### **Teori Pembelajaran warga emas**

Teori pembelajaran warga emas yang menjadi panduan kajian ini ialah teori yang digunakan Knowles (1984, 2005) merujuk kepada teori andragogi yang diperkenalkan oleh Malcolm Knowles, seorang pakar pendidikan yang terkenal dengan penyelidikannya dalam pendidikan orang dewasa. Menurut teori ini menekankan perbezaan antara pendekatan pembelajaran untuk kanak-kanak (pedagogi) dan orang dewasa (andragogi), dengan memberikan penekanan kepada keperluan dan ciri-ciri unik orang dewasa dalam proses pembelajaran. Menurut Ahmad Zabidi et al., (2017), Teori pembelajaran yang relevan termasuk teori behavioris, kognitif, humanistik, dan sosial.

Dalam konteks kajian pendekatan dalam pembelajaran al-Quran bagi warga emas, teori dan model sarjana Islam juga menjadi asas kepada teori kajian ini. Teori Al-Ghazali yang diasaskan oleh Al-Ghazali, seorang cendekiawan Islam terkemuka, memberikan penekanan

kepada pendekatan pembelajaran yang melibatkan hati dan roh. Pendekatan ini dapat diintegrasikan dengan pembelajaran orang dewasa untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang memberi penekanan kepada pemahaman mendalam dan penghayatan spiritual al-Quran. Beberapa konsep dalam pemikiran al-Ghazali yang relevan dengan pembelajaran al-Quran warga emas termasuk pengalaman hidup dalam pembelajaran, pembelajaran berpusatkan peserta, pembelajaran aktif, pembentukan akhlak dan karakter serta pembelajaran berterusan (Abdul Razaq Ahmad, 2021). Meskipun al-Ghazali hidup dalam konteks sejarah yang berbeza, konsep-konsep tarbiyahnya masih relevan dalam pendidikan orang dewasa pada hari ini, termasuk dalam pembelajaran al-Quran. Dengan menerapkan prinsip-prinsip ini, pendidik dapat membimbing peserta dewasa dalam memahami dan menghayati ajaran al-Quran dengan lebih mendalam dan bermakna.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Reka bentuk kajian merangkumi pendekatan kajian, kaedah persampelan, cara pengumpulan data, teknik memproses dan menganalisis data serta penulisan laporan (Chua Yan Piaw, 2021). Pondok Unaiz telah dipilih sebagai lokasi kajian melalui kaedah persampelan bertujuan, memandangkan ia merupakan institusi yang terkenal dan menawarkan program pendidikan untuk golongan warga emas. Pengumpulan data dilakukan menggunakan temubual separa struktur sebagai instrumen utama kajian, pemerhatian dan analisis dokumen. Dalam proses ini, sampel kajian terdiri daripada empat orang warga emas yang mengikuti program pendidikan di Pondok Unaiz. Warga emas yang berumur 60 tahun keatas, mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan dan tahap penguasaan al-Quran serta bersedia untuk berkongsi pengalaman mereka secara mendalam telah dipilih. Hal ini kerana kriteria pemilihan peserta kajian memainkan peranan penting untuk mendapatkan pandangan yang sebenar (Creswell, 2009) berkaitan pendekatan pembelajaran Al-Quran di Pondok Unaiz dengan tepat. Kaedah persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan. Setiap sesi temu bual separa berstruktur dengan warga emas berlangsung selama kira-kira 45 minit hingga 1 jam 30 minit. Warga emas yang ditemu bual dimaklumkan bahawa semua maklumat yang disampaikan oleh mereka akan dirahsiakan dan dianggap sulit.

Bagi mengukur kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian, pengkaji telah merujuk penyelia daripada Jabatan Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan rakan sepengajian untuk menyemak kandungan, format dan tatabahasa yang digunakan bagi memastikan ianya sesuai dan dapat digunakan untuk menjawab soalan kajian. Data dianalisis menggunakan analisis tematik seperti yang disarankan oleh Braun dan Clark (2006). Setelah proses temu bual dan pengumpulan data selesai, penyelidik menyiapkan transkrip dan mengembalikan transkrip tersebut kepada responden untuk semakan. Selepas transkrip disemak, responden menandatangani borang pengesahan temu bual untuk mengesahkan maklumat temu bual. Transkrip temu bual yang disahkan dianalisis menggunakan indeks. Proses pengindeksan transkrip dilakukan dengan melabelkan kod yang berasingan pada setiap responden kajian (Merriam, 2009). Data temu bual dikategorikan semula dan dianalisis menggunakan kaedah pengkodan untuk menghasilkan tema. Dalam metode analisis data,

dianalisis berdasarkan jawapan responden hasil temu bual. Data temu bual dianalisis secara kualitatif, iaitu transkripsi, koding dan paparan data. Data-data tersebut dianalisis menggunakan Atlas.ti v8.4.3 dan diuraikan secara deskriptif.

## **DAPATAN KAJIAN**

Bahagian ini menjelaskan hasil kajian berdasarkan tindak balas responden melalui temu bual mengenai pendekatan semasa dalam pembelajaran al-Quran kepada warga emas di Pondok Unais. Berdasarkan kepada data temu bual pendekatan yang digunakan di Pondok Unais dalam pembelajaran al-Quran warga emas mendapati bahawa pendekatan yang digunakan adalah melibatkan empat tema utama iaitu pembelajaran yang fleksibel, pembelajaran aktif, pengalaman sebagai sumber pembelajaran dan pembentukan akhlak dan karakter.

### **Pembelajaran yang Fleksibel**

Pondok Unais merupakan sebuah institusi pembelajaran yang menawarkan kurikulum pembelajaran agama dan al-Quran khusus kepada warga emas. Pengkaji telah menemubual responden berkaitan pendekatan pembelajaran al-Quran yang diguna pakai di Pondok Unais. Hasil dapatan kajian mendapati pendekatan kelas al-Quran di Pondok Unais diadakan secara fleksibel dan disesuaikan dengan jadual serta keperluan pelajar dewasa. Menurut responden warga emas bebas memilih pembelajaran yang disediakan mengikut kemampuan.

“Saya memang cakap dengan ustaz saya ni, saya tak boleh taranum. Ustaz cakap, tak nak belajar? Saya bagitau nak habiskan dulu al-quran ni, of course lah kita biasa je. Dulu pun saya ada mengaji dekat rumah. Kita pun dah khatampun kan tapi saya nak khatam dengan ustaz”.

“Saya memang cakap dengan ustaz saya ni, saya tak boleh taranum. Ustaz cakap, tak nak belajar? Saya bagitau nak habiskan dulu al-quran ni, of course lah kita biasa je. Dulu pun saya ada mengaji dekat rumah. Kita pun dah khatampun kan tapi saya nak khatam dengan ustaz”.

Pembelajaran al-Quran di Pondok Unais juga diadakan secara bersemuka dan secara atas talian. Warga emas di Pondok Unais ini kadangkala mempunyai temujanji di hospital dan ada yang mengalami masalah kesihatan yang menyebabkan mereka tidak dapat belajar secara bersemuka. Justeru pihak pengurusan Pondok Unais telah menyediakan alternatif pembelajaran al-Quran secara atas talian bagi memudahkan warga emas mengakses pembelajaran al-Quran tidak kira dimana sahaja mereka berada. Kaedah ini didapati membantu warga emas untuk terus istiqamah mempelajari dan memperbaiki bacaan al-Quran.

“Kemudahan untuk belajar secara online tu ada sebab internet kat sini diberikan kepada semua penghuni untuk menggunakan termasuk penghuni-penghuni yang tidak sihat yang tak boleh datang ke kelas, mereka boleh belajar secara

online mengikuti kuliah-kuliah dengan ustaz ataupun Al-Quran secara online bersama dengan ustaz yang mengajarlah. Yang tak sihat tu boleh duduk dekat bilik. Itu yang kemudahan yang amat bagus yang diberikan oleh Pondok Unais. Saya suka lah benda tu. Lepas tu dalam masa yang sama bila kita ada lapang kita joinlah dengan group-group yang banyak secara online kan”.

Selain itu, warga emas juga dibenarkan untuk keluar sekiranya ada perkara yang memerlukan untuk mereka keluar. Menurut responden sekiranya ada masa lapang dan mereka hendak keluar untuk makan atau minum diluar perkara tersebut dibenarkan oleh pihak pengurusan pondok.

“ Saya ada pengalaman duduk kat pondok yang lama tu. Kalau banding dekat sini terlalu banyak kemudahan berbanding kat lama dulu dia buat macam agak strict. Nak keluar pun tak boleh kena minta kebenaran tu sebab makan minum disediakan di pondok lama. Dekat sini kita nak keluar ada masa setengah jam nak keluar minum makan keluarla. Tak ada masalah”.

Berdasarkan pernyataan yang diberikan responden pihak pondok memberikan kebebasan dan fleksibiliti kepada warga emas dalam mengikuti program pembelajaran kerana memahami keupayaan diri warga emas. Ini dapat memberikan keselesaan warga emas berada di pondok.

## **PERBINCANGAN**

### **Pembelajaran Aktif**

Selain itu pembelajaran al-Quran di Pondok Unais turut diadakan secara berkumpulan dan individu. Dimana pembahagian kumpulan adalah mengikut tahap kemampuan bacaan al-Quran warga emas. Tujuan pembahagian kumpulan ini adalah supaya warga emas mudah untuk fokus dan bertanya kepada tenaga pengajar sekiranya mempunyai sebarang masalah.

“ Hari-hari fokus dengan sokongan group. Kita ada tiga group sebenarnya. Group pertama, group kedua, group ketiga. Jadi group pertama ni yang macam boleh mengaji tak ada masalah tapi nak jaga dari segi makhrab, hukum tajwidkan. Kemudian group kedua atas sikit. Kemudian group yang ketiga ni of course dia sepatutnya mudah faham hukum tajwid. Maknanya membaca tu kurang kesilapan dekat situ”.

Terdapat juga warga emas yang memerlukan pembelajaran al-Quran secara individu. Mereka akan membuat permintaan kepada tenaga pengajar untuk diadakan kelas secara individu mengikut masa terluang tenaga pengajar. Hal ini kerana ada warga emas yang lebih mudah memahami dan menyedari pentingnya mempelajari hukum tajwid dalam bacaan al-Quran.

“ Kemudian saya buat personal coaching. So personal coaching saya buat selasa

dengan hari khamis. So sekali saya baca tu 6 muka surat. Masa terpulang pada ustaz tu bila, tapi saya dah dapat saya punya tarikh hari selasa dan khamis pukul 2.00 petang sampai pukul 3.00 petang. Jadi itu dah brush up dia punya pembacaan tu. Tajwid is the most important thing. Tajwid itu must be.. and your makhraj. Mesti nak kena betul. Kalau tajwid, kalau kata 6, 6 lah. Kalau kata 2, 2 lah. Jangan 2 you bagi 6, kemudian 6 dibagi tak ada langsung”.

Kenyataan diatas menunjukkan bahawa pembelajaran aktif berlaku di Pondok Unais apabila warga emas mempelajari al-Quran secara berkumpulan dan individu untuk lebih memahami hukum bacaan al-Quran.

### **Pengalaman Sebagai Sumber Pembelajaran**

Warga emas yang mengikuti pembelajaran di Pondok Unais mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan, umur dan pekerjaan. Pengajaran yang diperoleh orang dewasa akhir atau warga emas selalunya berdasarkan pengalaman yang diperolehi sepanjang hidup mereka. Ini kerana golongan ini telah menempuh pelbagai pengalaman dalam hidup sebaik tamat zaman persekolahan dengan pelbagai masalah hidup dan tuntutan keperluan yang perlu dipenuhi. Melalui hasil temu bual pengkaji mendapati responden membawa pengalaman mereka sendiri ke dalam proses pembelajaran dan ini digunakan sebagai asas untuk memahami dan mengaitkan maklumat baru. Menurut responden pengalaman pembelajaran lepas dan kesediaan untuk belajar bermula dari bawah menjadi asas kepada pembelajaran serta menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam bacaan al-Quran di Pondok Unais

“Kalau kita kat luar beberapa kali kita khatam tapi bila kita sampai kat pondok ni sebenarnya bacaan kita banyak yang tak betul dengan ustaz- ustaz yang belajar di Mesir ni baru kita sedar yang bacaan kita sebenarnya banyak yang tak betul, banyak yang salah dan bagi saya tak segan lah kalau saya nak bermula daripada bawah balik. Bukan saya sahaja ramai di sini yang bermula dari bawah”.

### **Pembentukan Akhlak dan Karakter**

Pendekatan yang digunakan oleh Pondok Unais menekankan pembentukan akhlak dan karakter warga emas melalui ajaran-ajaran al-Quran, di mana setiap aspek pembelajaran dirancang untuk memperkuuh akhlak mulia dan membina karakter yang positif. Warga emas yang mengikuti program di Pondok Unais diajar untuk memahami dan menghayati nilai-nilai al-Quran, yang seterusnya diterapkan dalam kehidupan seharian mereka. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan bahawa para pelajar bukan sahaja mempelajari ilmu agama, tetapi juga membentuk keperibadian yang baik dan akhlak yang terpuji. Perkara ini diakui oleh responden menyatakan pembelajaran di pondok Unais amat memberi kesan kearah pembentukan diri yang lebih baik.

“Bagi saya amat berkesan apa yang saya dapat kat sini dari segi mengaji ke

belajar disini kuliah dhuha, kuliah maghrib, ceramah-ceramah semua sangat berkesan kepada saya dan saya rasa boleh bentuk saya punya diri dan saya lebih muhasabah diri ke arah yang lebih baik”.

Penyataan yang diberikan oleh responden menunjukkan bahawa pembelajaran yang dilaksanakan di Pondok Unais dilihat membantu dalam membentuk akhlak dan juga nilai-nilai yang baik dalam diri warga emas.

## **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Hasil daripada kajian ini menunjukkan pendekatan pembelajaran al-Quran yang digunakan di Pondok Unais iaitu pembelajaran yang fleksibel, pembelajaran aktif, pengalaman sebagai sumber pembelajaran dan pembentukan akhlak dan karakter adalah bertepatan dengan teori Knowles (1984) dan teori Al-Ghazali. Pendekatan pembelajaran yang fleksibel yang dijalankan dalam pembelajaran al-Quran warga emas di Pondok Unais merupakan salah satu ciri pembelajaran berterusan yang bersifat dinamik dan sesuai dengan keperluan golongan tersebut. Pembelajaran dilaksanakan secara bersemuka dan secara atas talian membuktikan pembelajaran di Pondok Unais adalah bersifat fleksibel. Menurut kajian Siti Nabihah et al., (2023) kelas pembelajaran al-Quran di Madrasah Orang Pencen dijalankan dengan dua cara iaitu secara bersemuka dan tidak bersemuka. Ini merupakan satu inisiatif yang dilakukan oleh pihak Madrasah bagi membantu warga emas yang tidak dapat hadir ke Madrasah. Pendekatan yang fleksibel ini mendapat sambutan yang baik dalam kalangan warga emas kerana membantu golongan tersebut untuk mengikuti pembelajaran dimana-mana sahaja menggunakan telefon bimbit. Dapatan ini bertentangan dengan kajian Muhammad Zamri (2016) dalam Sahlawati et al., (2017), menyatakan terdapat segelintir warga emas yang kurang terdedah dengan teknologi komunikasi menyebabkan mereka takut untuk menggunakan telefon bimbit kerana bimbang terdedah kepada maklumat negatif yang boleh didapati melalui pelantar teknologi.

Selain itu pembelajaran aktif adalah antara pendekatan pembelajaran yang dilaksanakan di Pondok Unais di mana warga emas terlibat aktif dalam proses pembelajaran. Bagi menggalakkan penglibatan yang aktif pembelajaran al-Quran di Pondok Unais diadakan secara berkumpulan dan individu. Untuk pembelajaran secara berkumpulan setiap warga emas akan dibahagikan kepada tiga kumpulan mengikut tahap kemampuan supaya pembelajaran lebih berfokus dan memudahkan warga emas serta tenaga pengajar. Dapatan kajian ini selari dengan kajian oleh Azura dan Suresh (2021), kelas mengaji al-Quran dijalankan secara berkumpulan membolehkan warga emas mempelajari bacaan al-Quran dengan sebutan, tajwid dan makhraj yang betul. Menurut kajian Noor Aishah et al., (2020), kaedah pengajian untuk warga emas yang dilaksanakan di pondok mengambil kira tahap dan keadaan mereka, iaitu secara beransur-ansur, tidak memberatkan, memastikan ilmu yang dipelajari diamalkan, menekankan tarbiyyah rohani, pembersihan hati, pendidikan secara langsung daripada tok guru, aplikasi komunikasi dua hala, kaedah pengulangan, dan pengajian kitab kuning.

Disamping itu pendekatan yang menggunakan pengalaman sebagai sumber pembelajaran adalah elemen yang menyokong kejayaan pembelajaran warga emas. Menurut Ahmad Zabidi et al., (2017) faktor-faktor pelaksanaan yang menyokong pembelajaran dewasa

serta penggunaan pengalaman dalam pembelajaran dewasa adalah sangat penting untuk memastikan kejayaan pendidikan bagi warga emas. Seterusnya pendekatan melalui pembentukan akhlak dan karakter yang digunakan di Pondok Unais selari dengan kajian oleh Sofea Balqis dan Mohd Isa (2023) mengenai penerapan akhlak terhadap warga emas menyatakan golongan warga emas perlu diberi penekanan tentang pendidikan akhlak memandangkan cabaran dunia pada hari ini yang terlalu mencabar dengan pelbagai pengaruh negatif yang berleluasa. Tanpa akhlak yang baik warga emas akan hilang martabat sebagai insan yang dihormati serta dicontohi oleh generasi muda.

Hasil kajian ini diharap dapat memberi implikasi kepada penambahbaikan pendekatan pembelajaran warga emas yang lebih efektif dan berkesan pada masa akan datang. Selain itu kajian ini dijangka dapat menjadi pembuka ruang dan berupaya memberi gambaran yang mendalam melalui data empirikal tentang pendekatan pembelajaran al-Quran untuk warga emas seterusnya dapat membantu pengurus institusi warga emas untuk merangka strategi pembelajaran yang sesuai kepada warga emas. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa limitasi kerana kajian ini adalah untuk meneroka pendekatan pembelajaran al-Quran warga emas di Pondok Unais. Justeru kajian ini dilakukan khusus kepada warga emas yang mempelajari al-Quran di pondok tersebut. Oleh itu, kajian ini membahaskan tentang pendekatan pembelajaran al-Quran yang dilaksanakan di pondok Unais.

Maka, kajian pada masa akan datang dicadangkan satu kajian kuantitatif tentang pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran di Pondok Unais. Selain itu kajian juga boleh dilakukan dengan mengkaji hubungan antara pendekatan pengajaran tenaga pengajar dengan motivasi warga emas di Pondok Unais. Seterusnya kajian lanjut juga boleh dijalankan berkaitan keberkesanan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan warga emas di Pondok Unais. Kesimpulannya pendekatan yang tepat dan sesuai dalam pembelajaran al-Quran bagi warga emas amat membantu golongan tersebut untuk lebih memahami ilmu al-Quran seterusnya mendapat manfaat dari ilmu agama sepanjang hayat. Ini kerana usia yang panjang yang dianugerahkan oleh Allah perlulah diisi dengan perkara-perkara yang bermanfaat seperti melakukan amal soleh dan menuntut ilmu. Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ أَتَثْ عَلَيْهِ سِتُّونَ سَنَةً، فَقَدْ أَعْذَرَ اللَّهُ إِلَيْهِ فِي الْعُمُرِ

Maksudnya: “Sesiapa yang sampai usianya 60 tahun, maka Allah tidak menerima alasan disebabkan umurnya itu.”

[Riwayat Ahmad, 8262]

Hadis di atas menerangkan bahawa antara hikmah di sebalik Allah SWT memanjangkan usia seseorang adalah agar mereka dapat menggunakan masa yang ada untuk meningkatkan ketaatan kepada-Nya. Ini bertujuan agar amalan seseorang yang sedikit tidak menjadi hujjah atau alasan di akhirat nanti. Oleh itu, pendekatan yang dilaksanakan di Pondok Unais didapati amat bermanfaat dalam membantu warga emas memanfaatkan usia mereka dengan mendalami ilmu agama dan al-Quran.

## RUJUKAN

- Abdul Razaq Ahmad. 2021. *Pendidikan Dewasa Teori, Amalan dan Hala Tuju*. Penerbit UKM. Bangi.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak, Mariam Abd. Majid, Sahlawati Abu Bakar & Safinah Ismail. 2017. Model Pembelajaran Sepanjang Hayat Warga Emas Ke Arah Pembangunan Insan Yang Berterusan. *Wacana Dakwah & Usuluddin Kontemporari*.
- Azura Tamat & Suresh Kumar N Vellymalay. 2021. Warga Emas Dan Pilihan Penempatan Di Pusat Jagaan Harian. *Journal of Social Sciences and Humanities* 16(4): 1-22.
- Braun, V. & Clarke, V. 2006. Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*. Bristol: University of the West of England.
- Chua Yan Piaw. 2021. *Kaedah Penyelidikan*. McGraw- Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Creswell, J. 2009. *Research design: Qualitative, quantitative and mixed method approaches* (ed. 3rd Edition). California: SAGE Publication.
- Knowles, Malcolm S., Holton III, Elwood F. & Swanson, Richard A. 2005. *The Adult Learner The Definitive Classic in Adult Education and Human Resource Development*. 6th Edition. London: British Library.
- Mariam Abd. Majid & Muhammad Akmal Wafi Bin Azizmai @ Azmi. 2018. Program Pendidikan Dan Pendekatan Pengajaran Warga Emas Di Institusi Pondok: Kajian Di Pondok Al-Rahmaniah, Kedah. *International Conference On Islamiyyat Studies. Faculty Of Islamic Civilisation Studies. International Islamic University College Selangor*, hal. 302-311.
- Mariam Abd.Majid, Sahlawati Abu Bakar & Safinah Ismail Safinah. 2017. Program Pendidikan Warga Emas Di Institusi Pondok Al-Jenderami Negeri Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor* 1(1): 1-13.
- Maziahtusima, Siti Rugayah Hj Tibek, Zulkiple Abd.Ghani, Mohd Muzhafar Idrus Hazlina Abdullah Amir Husin Mohd Nor, Noor Saazai Mat Saad, Ramiaida Darmi, Adibah Sulaiman @ Mohamed, Setiyawan Gunardi, Noornajihan Ja'afar, Noor Azizi Ismail dan Hayati Ismai. 2019. Isu Dan Cabaran Pendidikan Pondok Dari Lensa Pegawai Jabatan Dan Majlis Agama Islam Negeri Di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4(31): 384-393.
- Merriam S.B. 2009. *Qualitative Research A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: A Willey Imprint.
- Noor Aishah Mohd Zainudin, Harun Baharudin, Mohd Isa Hamzah & Mohd Azam Mahat. 2020. Pemilihan Sistem Pengajian Pondok dalam Kalangan Warga Emas dan Hubungannya dengan Teori Keperluan Motivasi. *Webinar ICIED 2020: International Conference on Islamic Education, 21 – 22 December 2020*.
- Nurul Sahadila Abd Rani, Mohd Isa Hamzah & Siti Nur Fatin Farhana Yusof. 2021. *Motif Dan Motivasi Warga Emas Mengikuti Program Pengajian Pondok Unais*. Fakulti Pendidikan UKM Bangi.
- Sahlawati Abu Bakar, Safinah Ismail, Mariam Abd. Majid, Ahmad Zabidi Abdul Razak, Noor Atika & Shafinaz Ahmad Nazri. 2017. Analisis Keperluan Warga Emas Terhadap Pendidikan Pondok: Kajian Di Pondok Rahmaniah Lubuk Tapah. *Persidangan*

*Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (Irsyad2017). Kolej University Islam Antarabangsa, Selangor, hal. 60-70.*

- Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd. Majid, Ahmad Zabidi Abdul Razak & Safinah Ismail. 2016. Faktor Pemilihan Pondok Oleh Warga Emas: Kajian Di Pondok Yayasan Al-Jenderami, Selangor Dan Pondok Madrasah Ar-Rahmaniah Ad-Diniah Lubuk Tapah, Kelantan. *Jurnal Pengajian Islam Fakulti Pengajian Peradaban Islam* 9(2): 1-23.
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin et al.,. 2011. Pelaksanaan Manhaj Rasulullah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kelas Al-Quran Bagi Golongan Dewasa. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 5(Special Edition): 53–70.
- Shah Rizul Izyan. 2021. *Faktor-Faktor Kurang Kesedaran Warga Emas Terhadap Meneruskan Pembelajaran Al-Quran*. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Shah Rizul Izyan Zulkiply, Noornajihan Jaa'far, Mohd Zahir Abdul Rahman & Nur Atiqah Abdul Aziz. 2020. Meneroka Cabaran Emosi Warga Emas dalam Pembelajaran al-Quran. *Webinar ICIED 2020: International Conference on Islamic Education, 21 – 22 December 2020*, hal. 408-416.
- Shah Rizul Izyan Zulkiply, Noornajihan Jaafar, Nurul Asiah Fasehah Mohammad & Mohd Shamsul Hakem B Abd Samad. 2022. Pendekatan Pengajaran Al- Quran Buat Warga Emas Menurut Hadith Rasulullah. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al- Sunnah* 18(1): 1-18.
- Siti Aisyah Samudin & Adriana Abu Bakar. 2023. Penderaan Dan Pengabaian Warga Emas: Kajian Menurut Undang-Undang Di Malaysia. *Journal of Shariah Law Research* 8(2): 121-142.
- Siti Nabihah Binti Sharudin, Nur Wanzurina Binti Noormen & Syed Najihuddin Bin Syed Hassan. 2023. *Pembelajaran Al-Quran Dalam Kalangan Warga Emas Di Madrasah Orang Pencen: Wujudkah Cabaran*. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Sofea Balqis Taib & Mohd Isa Hamzah. 2023. Penerapan Akhlak Terhadap Warga Emas Menurut Surah Al-Mukminun. *Malaysia Journal For Islamics Studies MJIS* 7(1): 89-99.